

MERBAH LOREK BUKIT
Streaked Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Ixos malaccensis*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai kombinasi bahagian atas badan yang berwarna hijau gelap manakala pada bahagian jambul adalah kurang. Pada bahagian rengkong dan dada yang berwarna kelabu, terdapat jalur-jalur berwarna putih pada bahagian hujungnya manakala bahagian tongkeng individu ini berwarna putih. Bahagian paruh adalah panjang dan sedikit melengkung ke bawah. Bagi individu juvenil pula, ia mempunyai bahagian atas badan serta bahagian sayap yang berwarna coklat kemerahan yang cerah manakala jalur-jalur pada bahagian dada adalah kurang. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz kira-kira 23 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada serangga-serangga dan buah-buahan yang bersaiz kecil termasuklah nektar dan tunas tumbuhan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipetropkap, pada ketinggian sehingga ke 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang mudah, pendek dengan nada yang tinggi *chiri-chiri-chu* dan *chiru-chiru*. Semasa terbang, ia mengeluarkan bunyi bergetar yang kuat dan kasar.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Jun Hingga Julai di mana telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya. IUCN, hampir terancam.